

Minum kopi sambil beramal

Hotel Sheraton Subang bantu kumpul
Dana Amal Buah Pinggang MAA-MEDicare

MENIKMATI secawan kopi sambil membantu mereka yang memerlukan, begitu usaha amal terkini dikendalikan Hotel Sheraton Subang, Subang Jaya.

Promosi kopi yang diadakan di ruang rehat Piano Lounge dan Café Aroma mulai 11 Januari hingga 31 Mac 2007 itu membolehkan setiap orang membeli setiap sajian kopi

didermakan kepada Dana Amal Buah Pinggang MAA-MEDicare sempena usaha amal itu.

Ia diharap dapat mengumpul dana untuk lebih 600 pesakit dialisis buah pinggang. Lebih 20 jenis kopi menjadi pilihan bermula pada harga RM14.50 untuk satu sajian termasuk jenis kopi Americano, café mocha, latte macchiato, cafe Latin American, café Vienna

dan latte kacang hazel.

Sebagai tambahan, kole kopi menarik tajaan Coffex Coffee (M) Sdn Bhd bernilai RM5 turut dijual untuk mengumpul dana bagi projek berkenaan.

"Sebagai sebuah syarikat korporat, kami cukup yakin ia tugas kami bagi memastikan golongan kurang bernasib baik tidak diabaikan. Projek amal ini sebagai satu sumbangan kecil kami terhadap



PRIHATIN...Jasmine (kanan) bersama Aliyah memulakan promosi usaha amal bantu pesakit buah pinggang.

masyarakat," kata Pengurus Besar hotel, Datin Jasmine Abdullah Heng.

Menurut Pengurus Besar Dana Amal Buah Pinggang MAA-MEDicare, Aliyah Karen, kesempatan bekerjasama dengan Hotel Sheraton Subang menunjukkan aktiviti mengumpul dana tidak semestinya membabitkan jumlah derma yang besar.

"RM1 daripada secawan kopi

mungkin kelihatan kecil tetapi apabila memikirkan bilangan cawan kopi yang dijual di hotel perniagaan seperti Hotel Sheraton Subang, ia tentu berbaloi," katanya.

Dana amal berkenaan adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan ditubuhkan pada 1994 yang menyediakan rawatan dialisis untuk pesakit kegagalan renal tahap akhir di seluruh Malaysia.

Bermula di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, 12 tahun lalu dengan hanya enam mesin dan 15 pesakit, MAA-MEDicare kini menjadi pertubuhan bukan bersifat keuntungan kedua terbesar yang menyediakan khidmat dialisis di negara ini.

Maklumat lanjut mengenai pertubuhan berkenaan boleh diperoleh menerusi talian 03-21421166 (Sumitra Selvaraj).